

## FUNGSI DAN TANGGUNJAWAB

Memerika dan memproses permohonan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran (DHKK) yang hilang/rosak/musnah keseluruhan atau sebahagiannya.

Penggantian Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) jika DHD rosak/hilang/musnah.

Memerika dan menggantikan dokumen hakmilik manual kepada dokumen hakmilik berkomputer.

## JENIS PERKHIDMATAN

Urusan	Penerangan
Hakmilik Sambungan Sek 166(1) (d)	Dilaksanakan bagi permohonan Dokumen Hakmilik Keluaran (DHK) hilang/rosak/musnah keseluruhan atau sebahagian.
Hakmilik Gantian Sek 175 A-F	Mempunyai kaedah bagi menggantikan Dokumen Hakmilik Daftar (DHD) yang hilang, musnah keseluruhan atau sebahagian atau maklumat yang dicatat dalam keadaan tidak boleh dibaca. Lanya perlu dilaksanakan bagi mengemaskini rekod hakmilik serta bertujuan memulihara DHD yang telah rosak. Pemilik tanah perlu bekerjasama untuk menyerahkan DHK bagi tujuan semakan rekod endosan dan urusan tanah terdahulu.
Hakmilik Rendua	Bagi menggantikan DHK hilang, rosak, muka surat penuh atau keadaan fizikalnya tidak membenarkan ia digunakan lagi. DHK juga boleh dikeluarkan sekiranya pemilik tanah enggan menyerahkan DHK walaupun telah menerima notis Borang 2B Sek. 15 KTN.

## PERMOHONAN HAKMILIK SAMBUNGAN AKIBAT DHK HILANG/ ROSAK/MUSNAH SEMUA ATAU SEBAHAGIANNYA

Apakah yang dimaksudkan DHK hilang/uzur/musnah sebahagiannya?

DHK dikategorikan hilang apabila dokumen tersebut tiada dalam simpanan pemilik tanah akibat tersalah letak, dicuri, tercicir, bencana alam dan sebagainya.

DHK dikategorikan rosak dan musnah sebahagian ataupun sepenuhnya adalah DHK yang masih ada dalam pegangan pemilik atau orang berkepentingan tetapi keadaan fizikalnya telah rosak atau hancur dan tidak lagi bersesuaian untuk disimpan.

Siapakah yang layak membuat permohonan?

Pemilik-pemilik tanah yang berdaftar.

Pihak berkepentingan berdaftar iaitu pemegang gadai dan pemegang kaveat lien.

Waris-warisi mati bagi pemilik tanah berdaftar.

Individu yang telah dilantik oleh syarikat/pertubuhan/persatuan melalui resolusi atau cabutan minit mesyuarat.

Individu yang telah menerima wakil kuasa bagi melaksanakan permohonan ini.

Surat akuan sumpah tidak diperlukan bagi permohonan hakmilik sambungan akibat DHK rosak.

Apakah dokumen yang perlu disertakan semasa membuat permohonan?

Surat Akuan Sumpah (asal) daripada setiap pemilik dan pihak berkepentingan atas tanah.

Laporan Polis (asal) berkenaan kehilangan dokumen hakmilik tersebut.

Salinan Sijil Kematian pemilik, Sijil Kewaris, Surat Kuasa Mentadhir, diperlukan permohonan daripada waris-warisi pemilik ta


Surat lantikan/salinan resolusi/cabutan mesyuarat dan Undang-Undang Tubuh/Mda permohonan yang dibuat oleh pertubuhan/persatuan.

DHK yang telah rosak perlu diserahkan permohonan hakmilik sambungan rosak/musnah keseluruhan atau sebahagiannya

## BAYARAN PERMOHONAN

Kategori	Bayaran
DHK hilang	
• Warta	RM 50.00
• Surat Akuan Sumpah	RM 60.00
• Fee Pendaftaran	RM 140.00/hakmilik
DHK rosak / musnah sebahagian atau sepenuhnya	
• Warta	RM 50.00
• Fee Pendaftaran	RM 60.00/hakmilik

## PROSES PERMOHONAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN (DHK) HILANG



Permohon persendirian digalakkan menyertakan nombor telefon semasa menyerahkan permohonan bagi memudahkan pihak kami menghubungi anda sekiranya terdapat sebarang keperluan.

### PIAGAM PELANGGAN

Hakmilik sambungan yang hilang/rosak akan diperolehi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan diterima.

### WAKTU PERKHIDMATAN

KAUNTER	ISNIN - KHAMIS	JUMAAT
13	8.00 pg. - 12.30 tgh. 2.00 ptg. - 5.00 ptg.	9.00 pg. - 11.45 tgh. 2.45 ptg. - 5.00 ptg.

SEBARANG PERTANYAAN BERKAITAN  
SILA BERHUBUNG DENGAN:-

Unit Pendaftaran Hakmilik Sambungan  
07-2666874



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
JOHOR BAHRU



Berpenggunaan Bersemita Mena Pakaikan

UNIT HAKMILIK SAMBUNGAN

BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK

Sayap Barat Bangunan  
Peti Surat  
79576 Kota Iskandar, Nus  
Johor Darul T  
No. Tel. : 07-26  
No. Faks : 07-26  
Laman web : <http://www.johordt.gov.m>